

## Mohd. Faizal Azizi juara pertandingan memancing

SEREMBAN 1 Dis. - Seorang kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara pertandingan memancing bersempena Pesta Konvokesyen USIM kali ke-11 di tasik universiti berkenaan di sini hari ini.

Kejayaan Mohd. Faizal Azizi Kamal, 27, menaikkan ikan keli seberat 6.6 kilogram itu membolehkannya menggondol hadiah utama iaitu wang tunai RM3,000 serta hadiah iringan lain termasuk hamper.

Dia yang ditemui Utusan Malaysia tidak menyangka percubaannya menyertai pertandingan itu sekadar untuk memeriahkan suasana mendatangkan hasil yang cukup lumayan.

"Saya memang tidak menyangka memenangi pertandingan ini. Inilah yang dinamakan tuah dan saya

ucapkan terima kasih kepada penganjur pertandingan," katanya.

Tempat kedua dimenangi oleh pelajar USIM, **Muhammad Huzaifah Abdul Halim**, 22, yang menaikkan ikan keli seberat 5.1 kilogram, sekali gus melayakkannya membawa pulang RM2,000 berserta hamper.

Seorang lagi peserta, Mohd. Haris Utan, 55, pula sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan menaikkan ikan keli seberat 4.9 kilogram, membolehkannya meraih RM1,500 berserta hamper tajaan Maggi dan Adabi.

Pengurus Besar Pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad., Hasmadi Hassan berkata, secara keseluruhan hadiah yang diperuntukkan mencecah RM8,900 melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak 300 orang.

Katanya, peserta yang berjaya

menduduki tempat kelima hingga ke-16 turut berpeluang membawa pulang hadiah wang tunai serta hamper.

"Lebih menarik, peserta yang tidak memenangi sebarang hadiah turut berpeluang membawa pulang pelbagai jenis barangan elektrik menerusi acara cabutan bertuah," katanya.

Menurut Hasmadi, melalui program itu, Kumpulan Utusan dan USIM berharap dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat setempat, di samping beriadah bersama keluarga.

Hadiah disampaikan oleh Hasmadi, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad dan Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli.



**MOHD. Faizal Azizi Kamal (kiri, juara) Muhammad Huzaifah Abdul Halim (tengah, pemenang kedua) dan Mohd. Haris Utan (kanan, pemenang ketiga) memegang ikan yang dipancing di Tasik USIM, dekat Seremban, semalam.**